

Pemalsuan faktor utama krisis Datuk Kelana

13/1/88

SEREMBAN, Selasa — Isu pemalsuan Terombo Asal Luak Sungai Ujong yang ditimbulkan oleh anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang adalah di antara faktor utama yang menyebabkan krisis perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 berlanjutan lebih empat tahun.

Sumber tertinggi adat berkata anak-anak Waris itu sudah pun mempersemprehankan satu memorandum mengenai pemalsuan Terombo itu kepada Yang Dipertuan Besar se-laku Pengerusi Dewan Keadi-lan dan Undang Negeri Sembilan baru-baru ini.

"Anak-anak Waris Rumpun Tinggang mendakwa bahawa Terombo Asal Luak Sungai

Oleh BUSTAMAM AHMAD

Ujong dipalsukan oleh sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu sewaktu pemerintahan Undang kelapan, Allahyarham Datuk Kelana Makmur Datuk Menteri Kassim pada 1940.

"Terombo Asal ini kemudian digantikan dengan Jurai Tela-ga Undang, yang kini dipertahankan oleh sekumpulan anak-anak Waris Perut Ulu untuk dijadikan asas dalam pemilihan Datuk Kelana ke-10.

"Dewan kini dipercayai se-dang menyiasat dakwaan itu dan ini adalah di antara faktor utama yang menyebabkan kri-sis perlantikan Datuk Kelana ke-10 berlanjutan lebih empat

tahun sekarang," kata sumber tertinggi adat kepada *Berita Harian* hari ini.

Difahamkan pemalsuan Terombo Asal Luak Sungai Ujong sekali-gus menjadikan satu Rumpun anak Waris Perut Ulu sebagai 'anak Waris mutlak' un-tuk menyandang pesaka Datuk Kelana.

Ia juga menyebabkan sekur-rang-kurangnya dua lagi Rum-pun anak Waris Perut Ulu dike-nali sebagai Waris Lingkungan yang mengikut aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong ti-dak layak menyandang pesaka Undang.

Sumber itu menjelaskan ti-dak wujud istilah 'Waris Lingkungan' di kalangan anak-anak Waris Perut Ulu berdasar-kan isi kandungan Terombo Asal Luak itu.